

Teks Ucapan

YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof

Menteri Kerja Raya Malaysia

sempena

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM
PERSEFAHAMAN**

DAN

MAJLIS PERASMIAN PUSAT LATIHAN KVMRT

28 SEPTEMBER 2015

Bismillahirrahmannirrahim

Yang Berbahagia Dato' Sri Shahril Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif, MRT Corporation

Yang Berbahagia Dato' Azmi Mat Nor, Pengarah, MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd

Yang Berbahagia Dato' Sri Prof. Ir Dr. Judin Abd Karim, Pengerusi, CIDB Holdings

Yang Berusaha Sr Abd Latif bin Hitam, Ketua Eksekutif, CIDB Holdings Sdn Bhd

Yang Berusaha Ir Haji Rosli Hussin, Pengarah Eksekutif, NIOSH Malaysia

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan CIDB Holdings

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan NIOSH Malaysia

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan MRT Corporation,

Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan MMC Gamuda KVMRT (PDP SSP) Sdn Bhd

Rakan-rakan strategik MoU, para penggiat industri, rakan media,

Para hadirin yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya, kita semua dapat hadir ke majlis yang penuh bermakna ini, iaitu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dalam Penambahbaikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan Perasmian Pusat Latihan KVMRT

Dato' Sri / Dato'/ Tuan / Puan yang dihormati sekalian,

2. Sebagaimana yang kita semua sedia maklum, sektor pembinaan merupakan pemangkin kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam tempoh Rancangan-Rancangan Malaysia yang terdahulu hinggalah kepada Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10), pembangunan infrastruktur telah diberi perhatian utama dalam usaha menyokong kepesatan pertumbuhan ekonomi negara. Antara pelan yang terkandung dalam RMKe-10 ialah mewujudkan infrastruktur bertaraf dunia untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan produktiviti. Ini merupakan usaha yang berterusan untuk menaik taraf infrastruktur fizikal dan menambah baik akses dan perhubungan. Antara projek mega yang sedang rancak dibangunkan sekarang adalah projek *Klang Valley Mass Rapid Transit* (atau KVMRT).
3. Dengan pelaksanaan projek mega seperti KVMRT ini, sudah tentunya akan timbul hal-hal berkaitan dengan keselamatan dan

kesihatan pekerjaan di tempat kerja yang melibatkan pekerja mahupun orang awam, terutamanya aktiviti-aktiviti pembinaan yang berlaku di kawasan penduduk berkepadatan tinggi.

4. Justeru itu, perlu ada komitmen dan usaha berterusan dalam menangani isu keselamatan dan kesihatan pekerjaan bagi mewujudkan suasana tempat kerja yang lebih kondusif, selamat dan sihat. Komitmen negara kita terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja dapat dicerminkan melalui Enakmen Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA) serta penubuhan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan juga penubuhan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH).
5. Selain itu, komitmen Kerajaan ini diperjelaskan lagi dengan pelaksanaan Program Transformasi Industri Pembinaan (*Construction Industry Transformation Programme*, CITP) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 September 2015, selari dengan pengumuman Kerajaan Malaysia dalam Rancangan Malaysia KeSebelas (RMK11) untuk mentransformasikan sektor pembinaan dalam tempoh lima tahun akan datang. Program ini memberi penekanan kepada strategi dan inisiatif untuk mengubah industri pembinaan dari segi peningkatan kualiti, kesihatan dan keselamatan, profesionalisme, kemampanan alam sekitar, produktiviti, penggunaan teknologi dan pengantarabangsaan secara menyeluruh.
6. Sektor pembinaan menghadapi cabaran berkaitan dengan isu kesihatan dan keselamatan di tapak bina di mana rekodnya kurang

memberangsangkan dan berada di bawah tahap optimum. Tahap keselamatan yang lemah boleh mengakibatkan kehilangan nyawa dan menjejaskan reputasi industri pembinaan. Perkara ini berlaku kerana usaha pengawalseliaan dan penguatkuasaan tidak mencukupi serta amalan keselamatan yang rendah dalam sektor pembinaan.

7. Walaupun pelbagai langkah dan usaha telah diperkenalkan oleh Kerajaan, namun syarikat-syarikat atau rakan penggiat industri tidak boleh bergantung semata-mata kepada Kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang berkaitan serta memberi latihan, perundingan dan perkhidmatan maklumat mengenai kesihatan dan keselamatan pekerjaan (KKP). Saya berpendapat perlu ada kerjasama, usaha dan komitmen oleh pihak industri dalam menyatakan kesungguhan mencapai matlamat keseluruhan ke arah pelaksanaan penuh sistem pengurusan KKP.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Pada hari ini saya amat berbesar hati dengan komitmen yang ditunjukkan oleh 4 organisasi iaitu MRT Corporation, MMC Gamuda (PDP SSP) Sdn Bhd, CIDB Holdings Sdn Bhd dan NIOSH Malaysia untuk menjalinkan kolaborasi antara satu sama lain. Usaha ini bertujuan mewujudkan program kerjasama bersama dan aktiviti-aktiviti yang akan membangunkan, meningkatkan dan mengekalkan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan penyampaian maklumat serta program peningkatan untuk projek KVMRT. Saya dimaklumkan antara bidang kerjasama yang akan dimeterai dalam memorandum ini termasuklah program kesedaran, kemahiran dan

kompetensi terutamanya bagi aktiviti berisiko tinggi, perundingan dan perkongsian maklumat dan kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan KKP.

9. Saya percaya dan berharap kerjasama ini akan dapat menerapkan budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan menjadikan projek KVMRT ini sebagai satu contoh dalam amalan terbaik (*best practices*) dalam KKP selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan “Budaya Kerja Selamat dan Sihat” satu realiti.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Bagi menyokong kerjasama ini, satu prasarana atau pusat latihan perlu diwujudkan bagi menyediakan suasana pembelajaran yang lebih selesa, selamat dan kondusif. Saya berbesar hati kerana atas inisiatif bersama MRT Corporation dan MMC Gamuda (PDP SSP) Sdn Bhd, Pusat Latihan KVMRT ini telah dapat diwujudkan. Pusat latihan ini ditubuhkan bagi meningkatkan kesedaran tahap keselamatan dan kemahiran semua kakitangan yang terlibat dalam projek KVMRT melalui program-program dan modul kemahiran KKP yang akan disediakan. Saya juga amat gembira kerana inisiatif ini akan diperluaskan kepada pelbagai Kontraktor Pakej Kerja KVMRT, yang mana saya yakin dan percaya akan membawa aspek keselamatan di tapak bina ke satu tahap penanda aras yang baru.
11. Di samping itu juga, pusat latihan ini menyediakan program kemahiran jangka panjang dan pembangunan berkompentensi melalui kerjasama CIDB Holdings, Jabatan Keselamatan dan

Kesihatan Pekerjaan Malaysia dan NIOSH bagi meningkatkan piawaian keselamatan industri pembinaan di Malaysia. Melalui kerjasama ini, ia juga diharap dapat mengubah budaya kerja berteraskan penguatkuasaan kepada budaya kerja pengawalseliaan sendiri serta memupuk budaya di mana Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan menjadi tanggungjawab semua, selari dengan keperluan semasa dan undang-undang.

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan tahniah dan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan memorandum persefahaman ini. Saya juga menyeru semua pihak untuk berusaha mempertingkatkan lagi kecemerlangan dalam bidang keselamatan dan kesihatan pekerjaan di negara kita. Menerusi usaha bersepadu ini, saya yakin kita mampu menjadikan tapak bina di Malaysia sebagai tempat kerja yang selamat dan sihat bagi semua.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih.